

PRINSIP *AL-SIYASAH AL-SHAR‘IYYAH* IBN TAIMIYYAH SEBAGAI KERANGKA PEMBAHARUAN TADBIR URUS DAN KESEJAHTERAAN UMMAH MALAYSIA MADANI

THE PRINCIPLES OF AL-SIYĀSAH AL-SHAR‘IYYAH OF IBN TAIMIYYAH AS A FRAMEWORK FOR GOVERNANCE REFORM AND THE WELL-BEING OF THE UMMAH IN MALAYSIA MADANI

Anwar Muttaqin¹
Ezad Azraai Jamsari²
Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz³
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari^{4*}
Md Yazid Ahmad⁵
Mohd Hafiz Safiai⁶

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: anwar86@ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

³ Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: rajaimran@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor (E-mail: mozaha@ukm.edu.my)

⁵ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: yazid@ukm.edu.my)

⁶ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: hafizsafiai@ukm.edu.my)

*Corresponding author: mozaha@ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026

Revised date : 5-3-2026

Accepted date : 1-4-2026

Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Muttaqin, A., Jamsari, E. A., Raja Abdul Aziz, R. M. I., Abul Hassan Ashari, M. Z., Ahmad, M. Y., & Safiai, M. H. (2026). Prinsip al-siyasah al-shar‘iyyah Ibn Taimiyyah sebagai kerangka pembaharuan tadbir urus dan kesejahteraan ummah Malaysia MADANI. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 575 – 584.

Abstrak: *Prinsip al-siyasah al-shar‘iyyah yang digagaskan oleh Ibn Taimiyyah menekankan keadilan, amanah, dan pemeliharaan masalah sebagai asas pemerintahan yang berkesan. Namun pelaksanaan tadbir urus berdasarkan nilai Islam di Malaysia masih berhadapan kekangan seperti ketidakselarasan antara dasar, institusi, dan amalan pentadbiran. Maka, kajian ini dijalankan bagi menganalisis prinsip utama al-siyasah al-shar‘iyyah menurut Ibn Taimiyyah dan menilai kesesuaian prinsip tersebut dalam kerangka Malaysia MADANI. Justeru itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dan perbandingan literatur. Sumber primer seperti karya Ibn Taimiyyah dan sumber sekunder merangkumi artikel ilmiah, tesis, dan dokumen yang berkaitan Malaysia turut digunakan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa prinsip al-siyasah al-shar‘iyyah Ibn Taimiyyah*

selaras dengan nilai-nilai teras Malaysia MADANI yang menekankan konsep ihsan, amanah, adab dan keadilan dalam kepemimpinan serta kesejahteraan masyarakat. Seterusnya, kajian ini menunjukkan bahawa prinsip al-siyasah al-shar'iyah Ibn Taimiyyah boleh dijadikan asas pembaharuan tadbir urus Malaysia MADANI, khususnya dalam memperkukuh integriti, keadilan dan keutamaan maslahat rakyat. Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan untuk menilai penerapan sebenar prinsip al-siyasah al-shar'iyah dalam institusi pentadbiran Malaysia, serta menilai keberkesanannya dalam memperkukuh tadbir urus dan kesejahteraan ummah.

Kata Kunci: *Ibn Taimiyyah; al-Siyasah al-Shar'iyah; Tadbir Urus; Kesejahteraan Ummah; Malaysia MADANI*

Abstract: *The principles of al-siyāsah al-shar'iyah formulated by Ibn Taimiyyah emphasize justice, integrity, and the preservation of public interest (maṣlahah) as the foundation of effective governance. However, the implementation of Islamic value-based governance in Malaysia continues to face constraints, including inconsistencies between policies, institutions, and administrative practices. This study aims to analyse the core principles of al-siyāsah al-shar'iyah according to Ibn Taimiyyah and to assess their suitability within the framework of Malaysia MADANI. This study adopts a qualitative approach through content analysis and comparative analysis of the literature. Primary sources include the works of Ibn Taimiyyah, while secondary sources comprise scholarly articles, theses, and relevant documents on Malaysia MADANI and Islamic governance. The findings reveal that Ibn Taimiyyah's principles of al-siyāsah al-shar'iyah align with the core values of Malaysia MADANI, particularly the emphasis on ihsān, integrity (amānah), adab, and justice in leadership, as well as societal well-being. The study further demonstrates that these principles may serve as a foundational framework for governance reform within Malaysia MADANI, particularly in strengthening integrity, justice, and the prioritisation of public interest. Finally, further research is recommended to evaluate the practical application of al-siyāsah al-shar'iyah principles within Malaysia's administrative institutions, as well as their effectiveness in enhancing governance and the well-being of the ummah.*

Keywords: *Ibn Taimiyyah; al-Siyasah al-Shar'iyah; Governance; Well-Being of the Ummah; Malaysia MADANI*

Pendahuluan

Prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* merupakan antara konsep penting dalam tradisi pemikiran politik Islam yang menekankan pengurusan urusan kenegaraan berasaskan prinsip syariah demi menjamin keadilan, kesejahteraan masyarakat dan pemeliharaan maslahat umum. Konsep ini tidak terhad kepada perbincangan politik semata-mata, malah merangkumi aspek tadbir urus, kepemimpinan, keadilan sosial dan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat. Pada umumnya, ilmu *siyasah syar'iyah* ialah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berasaskan kepada asas-asas Islam (Borham, 2013). Dalam konteks pemikiran Islam klasik, tokoh seperti Ibn Taimiyyah (661-728H) memainkan peranan penting dalam mengembangkan kerangka *al-siyasah al-shar'iyah* yang bersifat praktikal, realistik dan responsif terhadap keperluan masyarakat, tanpa terikat secara literal kepada bentuk pemerintahan tertentu, selagi prinsip syariah dan maslahat dipelihara (Suharti, 2015).

Ibn Taimiyyah menegaskan tujuan utama pemerintahan dalam Islam ialah menegakkan keadilan, menjaga agama, nyawa, harta dan kehormatan manusia, serta mencegah kemudharatan dalam masyarakat. Dalam pandangannya, negara mempunyai peranan penting dalam menegakkan keadilan serta memelihara ketertiban sosial berasaskan hukum Islam. Beliau menegaskan bahawa kepimpinan bukan sekadar suatu hak, sebaliknya merupakan satu amanah yang wajib dilaksanakan demi kemaslahatan umat. Menurut beliau, pemimpin yang gagal melaksanakan hukum Islam dengan baik boleh kehilangan legitimasi di sisi rakyat dan juga di hadapan Allah (Nurfazillah, 2024). Prinsip ini menekankan elemen amanah, keadilan, ihsan dan keutamaan maslahat, yang menjadikan *al-siyasah al-shar'iyah* sebagai satu kerangka tadbir urus yang fleksibel dan boleh diaplikasikan merentasi zaman dan konteks sosial yang berbeza. Justeru, pemikiran Ibn Taimiyyah sering dirujuk sebagai rujukan utama dalam perbincangan tadbir urus Islam kontemporari, khususnya dalam menangani cabaran pentadbiran moden yang melibatkan integriti, akauntabiliti dan kesejahteraan rakyat (Ahmidi et al., 2024).

Dalam konteks Malaysia, gagasan Malaysia MADANI diperkenalkan sebagai kerangka pembangunan negara yang menekankan nilai kemanusiaan, kesejahteraan sosial, keadilan, adab dan integriti dalam kepimpinan serta pentadbiran. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tadbir urus berasaskan nilai Islam di Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai kekangan, termasuk ketidakselarasan antara dasar, institusi dan amalan pentadbiran. Oleh itu, penelitian terhadap prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* menurut Ibn Taimiyyah menjadi relevan untuk dinilai kesesuaiannya sebagai asas pembaharuan tadbir urus dalam kerangka Malaysia MADANI, khususnya dalam usaha memperkukuh keadilan, amanah dan keutamaan maslahat rakyat. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis prinsip-prinsip utama *al-siyasah al-shar'iyah* menurut Ibn Taimiyyah serta menilai kesesuaian dan relevansinya sebagai kerangka pembaharuan tadbir urus dan kesejahteraan ummah dalam konteks Malaysia MADANI.

Latar Belakang Kajian

Prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* merupakan antara konsep penting dalam tradisi pemikiran politik Islam kerana ia membicarakan pengurusan urusan kenegaraan dan masyarakat berasaskan prinsip syariah dengan tujuan menegakkan keadilan, memelihara maslahat umum dan menjamin kesejahteraan rakyat. Konsep ini tidak hanya terbatas kepada perbincangan politik secara sempit, tetapi merangkumi aspek tadbir urus, kepimpinan, keadilan sosial dan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat.

Dalam kerangka pemikiran Islam klasik, Ibn Taimiyyah (661-728H) muncul sebagai antara tokoh utama yang mengembangkan konsep *al-siyasah al-shar'iyah* secara lebih praktikal, realistik dan responsif terhadap keperluan masyarakat tanpa terikat kepada satu bentuk sistem politik tertentu selagi prinsip syariah dan maslahat dipelihara (Zaman, 2019). Ibn Taimiyyah menegaskan bahawa tujuan utama pemerintahan ialah menegakkan keadilan, menjaga agama, nyawa, harta dan maruah manusia serta mencegah kemudharatan dalam masyarakat, menjadikan kepimpinan sebagai satu amanah yang berat di sisi Allah dan rakyat (Nurfazillah, 2024).

Pemikiran Ibn Taimiyyah mengenai negara dan kepimpinan memberi penekanan kepada dua asas utama, iaitu keadilan dan amanah, termasuk pemeliharaan maslahat serta penghindaran kemudharatan dalam semua dasar dan keputusan politik (Bakry et al., 2021; Saende et al., 2023). Beliau menolak pelantikan berdasarkan kronisme dan asabiyyah, sebaliknya menekankan keperluan melantik pemimpin dan pegawai yang memiliki gabungan *al-quwwah* (keupayaan,

kepakaran) dan *al-amanah* (integriti, ketakwaan) sebagai syarat utama keberkesanan tadbir urus.

Dalam konteks kontemporari, pemikiran siyasah Ibn Taimiyyah semakin dirujuk semula bagi menjawab cabaran tadbir urus moden termasuk isu integriti, penyalahgunaan kuasa, ketidakcekapan birokrasi, dan krisis kepercayaan terhadap institusi politik. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa kerangka *al-siyasah al-shar'iyah* berpotensi menjadi asas normatif untuk memperkukuh sistem pentadbiran berteraskan keadilan sosial, perlindungan hak rakyat, pengurusan ekonomi yang adil dan pemeliharaan kesejahteraan keluarga dalam masyarakat majmuk (Ahmad et al., 2022; Maulidizen, 2019; Kholiq et al., 2025).

Di Malaysia, gagasan Malaysia MADANI diperkenalkan sebagai kerangka pembangunan negara yang menekankan nilai kemanusiaan, keadilan, ihsan, adab, integriti dan kesejahteraan sosial dalam kepimpinan serta pentadbiran (Rahman & Hamid, 2024). Walau bagaimanapun, pelaksanaan tadbir urus berasaskan nilai Islam masih berdepan pelbagai kekangan seperti ketidakselarasan antara dasar, institusi dan amalan pentadbiran serta isu kelemahan integriti dalam sebahagian struktur pentadbiran.

Sehubungan itu, penelitian semula terhadap prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* menurut Ibn Taimiyyah menjadi sangat penting bagi dinilai kesesuaiannya sebagai kerangka pembaharuan tadbir urus dan pementapan kesejahteraan ummah dalam konteks Malaysia MADANI. Kajian ini cuba mengisi kelompongan literatur dengan menghubungkan prinsip keadilan, amanah, ihsan dan masalah yang digariskan Ibn Taimiyyah dengan nilai teras Malaysia MADANI, seterusnya mencadangkan satu asas konseptual untuk memperkukuh integriti, keadilan dan keutamaan masalah rakyat dalam tadbir urus negara.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan kajian kepustakaan untuk meneliti prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* Ibn Taimiyyah serta kesesuaiannya dalam kerangka pembaharuan tadbir urus dan kesejahteraan ummah Malaysia MADANI. Sumber utama kajian ini ialah karya tulisan Ibn Taimiyah iaitu *al-siyasah al-shar'iyah fi Islah al-ra'i wa al-ra'iyah* bagi menghuraikan prinsip-prinsip kepimpinan Islam seperti ihsan, amanah, adab dan keadilan dalam kepimpinan serta tanggungjawab pemimpin terhadap kesejahteraan masyarakat. Selain itu, sebanyak dua puluh enam sumber sekunder seperti artikel jurnal akademik, buku ilmiah dan tesis digunakan untuk membincangkan pemikiran Ibn Taimiyah sebagai kerangka pembaharuan tadbir urus Islam dan kesejahteraan masyarakat Malaysia MADANI.

Seterusnya, data yang dikumpulkan daripada sumber utama dan sekunder tersebut dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama yang memperlihatkan kesesuaian prinsip tersebut sebagai kerangka tadbir urus Malaysia MADANI. Data yang diperolehi kemudian disusun membentuk tema-tema seperti konsep asas *al-siyasah al-shar'iyah*, masalah dan keadilan dalam *al-siyasah al-shar'iyah* dan tadbir urus berteraskan amanah dalam *al-siyasah al-shar'iyah*, yang kemudiannya digunakan untuk menilai bagaimana pemikiran Ibn Taimiyah menjadi asas konseptual sebagai kerangka pembaharuan tadbir urus dan pementapan kesejahteraan masyarakat pada masa kini terutama dalam konteks Malaysia MADANI.

Dapatan Kajian

Konsep Asas *al-Siyasah al-Shar'iyah*

Konsep *al-siyasah al-shar'iyah* menurut Ibn Taimiyyah bukan sahaja mengupas bahagian politik sematamata, tetapi ia merupakan satu pendekatan menyeluruh dalam tadbir urus masyarakat dan negara. Kajian oleh Suharti (2015) menerangkan penulisan Ibn Taimiyyah memperlihatkan satu bentuk politik Islam yang lahir daripada konteks sejarah dan pemikiran yang berbeza, dengan beliau mewujudkan konsep ini sebagai sebahagian daripada fiqh Islam yang bertujuan untuk memastikan kehidupan umat Islam diatur mengikut prinsip syariah yang berteraskan masalah dan syariat itu sendiri. Dalam penulisan tersebut dinyatakan bahawa Ibn Taimiyyah menekankan hubungan antara pemerintahan, kepimpinan dan konsep negara sebagai satu sistem yang bersepadu dalam konteks Islam, bukan sekadar teori tetapi sebagai satu panduan praktikal kepada pemerintah dan ulama dalam mentadbir urusan rakyat (Suharti, 2015). Kemudian, menurut Basyit (2019) prinsip asas ini merangkumi konsep kepimpinan yang adil, pengurusan hal-ehwal masyarakat menurut syariah, serta pengawasan terhadap pelaksanaan undang-undang yang memastikan masyarakat hidup dalam keadaan yang aman dan sejahtera.

Justeru, asas pemikiran ini menekankan bahawa negara dan pemerintah harus bertindak selaras dengan prinsip syariah, termasuk menegakkan keadilan, mengelakkan kemudaratan, dan memelihara hak rakyat. Hal ini menunjukkan bahawa tadbir urus yang berkesan bukan sahaja bergantung pada keberkesanan pentadbiran, tetapi juga berpandukan akhlak dan prinsip agama yang menyeluruh. Basyit (2019) juga menambah bahawa pendekatan ini menjadikan *al-siyasah al-shar'iyah* sebagai satu kerangka sejagat yang mampu diaplikasikan dalam pelbagai konteks masyarakat Islam.

Masalah dan Keadilan dalam *al-Siyasah al-Shar'iyah*

Al-Siyasah al-shar'iyah merupakan satu prinsip pemikiran Ibn Taimiyah yang diterapkan oleh pemerintah dalam mewujudkan urus tadbir yang sejajar dengan prinsip-prinsip syariat Islam dengan tujuan untuk memelihara masalah dan kesejahteraan masyarakat. Ibn Taimiyah menegaskan bahawa kepimpinan adalah sebahagian daripada kewajiban agama yang sangat penting (Syaikhon, 2015). Menurut beliau, tanpa adanya pemimpin, agama dan masalah umat tidak akan dapat ditegakkan (Ilyas & Rahmah, 2025). Prinsip ini menegaskan kredibiliti sesebuah pemerintahan dinilai dari segi keupayaannya menjamin kebajikan dan keadilan sosial, bukan sekadar berasaskan struktur pentadbiran. Dalam kajian Nurhakim (2017) juga mengatakan Ibn Taimiyah berpendapat tujuan negara adalah untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan agama dan mengurus masyarakat, selari dengan karya beliau iaitu *al-siyasah al-shar'iyah* yang menekankan prinsip amanah, keadilan, ketaatan dan kesejahteraan rakyat.

Di samping itu, Pratama (2025) berpandangan bahawa keadilan menjadi tunjang utama dalam sistem hukum Islam dan menjadi tiang utama dalam *al-siyasah al-shar'iyah*. Hal ini kerana, pemerintah yang adil akan memupuk keharmonian antara masyarakat dan juga membina keyakinan terhadap pemerintah. Menurut Bakry et.al (2021) pula, sesebuah negara didirikan untuk menegakkan keadilan dengan melaksanakan perintah Allah, menghindar dari kejahatan dan memasyarakatkan tauhid serta mempersiapkan masyarakat yang hanya mengabdikan kepada Allah SWT. Jelaslah bahawa prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* Ibn Taimiyah menegaskan pelaksanaan dasar dan tadbir urus negara mesti berpaksikan prinsip keadilan dan syariat Islam.

Justeru, kajian Ahmad et al. (2022) menunjukkan pelaksanaan *siyasah al-shar'iyah* yang berkesan dalam masyarakat majmuk menekankan kesejahteraan sosial, perlindungan hak rakyat, dan keadilan keluarga. Hal ini selaras dengan prinsip Ibn Taimiyyah bahawa keadilan merupakan asas pemerintahan. Ahmidi et al. (2024) menekankan bahawa kepemimpinan Islam berasaskan amanah dan tanggungjawab, di mana pemerintah perlu memastikan keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat. Dapatan ini membuktikan bahawa *siyasah al-shar'iyah* bukan sekadar teori politik, tetapi merupakan alat tadbir urus berorientasikan kesejahteraan rakyat, merangkumi aspek sosial, ekonomi, dan institusi keluarga.

Pemikiran Ibn Taimiyyah dalam pemahaman mekanisme pasaran. Beliau menjelaskan kebiasaan penurunan dan kenaikan harga pasaran disebabkan oleh permintaan dan penawaran yang berlaku dalam masyarakat. Untuk mengelakkan daripada dimonopoli, pemerintah perlu bertindak secara langsung dengan menetapkan harga yang adil dalam aktiviti pasaran (Maulidizen, 2019). Ibn taimiyyah menegaskan pemimpin bukan sahaja menjaga keamanan, tetapi juga mengatur ekonomi secara adil. Oleh itu, pemerintah wajib untuk mengurus sumber dan kekayaan secara telus (Kholiq, 2025).

Tadbir Urus Berteraskan Amanah dalam *al-Siyasah al-Shar'iyah*

Teras utama dalam pemikiran politik Ibn Taimiyyah menerusi karyanya yang agung, *al-siyasah al-shar'iyah*, meletakkan nilai amanah sebagai punca kuasa dan tanggungjawab paling besar dalam sesebuah negara (al-Nsour & al-Rafaie, 2023). Bagi beliau, pentadbiran awam bukanlah sebuah instrumen untuk mengejar kepentingan peribadi atau mengumpul kekayaan, sebaliknya ia merupakan satu kerangka akhlak dan etika di mana setiap jabatan awam dianggap sebagai bebanan amanah yang wajib ditunaikan demi mencapai keadilan hakiki dalam masyarakat (Bakour & Abdelaziz, 2024). Dalam analisis mendalam terhadap sistem pemerintahan Islam, seorang pemimpin memikul tanggungjawab syarak yang sangat berat untuk memastikan setiap posisi dalam jentera pentadbiran diisi oleh individu yang benar-benar jujur dan mempunyai kelayakan paling tinggi atau *aslah* (Nurfazillah, 2024). Ibn Taimiyyah memberikan amaran keras bahawa sebarang tindakan melantik pegawai berdasarkan faktor kronisme, hubungan kekeluargaan, atau kepentingan politik semata-mata adalah satu bentuk pengkhianatan besar terhadap Allah SWT, Rasul-Nya, dan seluruh prinsip keadilan dalam Islam (Maryuni, 2022).

Selain itu, pemikiran Ibn Taimiyyah secara unik menggabungkan sifat amanah ini dengan keperluan memiliki keupayaan nyata atau profesionalisme dalam menjalankan tugas (al-Nsour & al-Rafaie, 2023). Beliau menggariskan dua rukun utama yang wajib ada pada setiap pemegang jawatan awam, iaitu *al-Quwwah* yang merujuk kepada keupayaan, kekuatan fizikal, serta kemahiran teknikal, dan *al-Amanah* yang merujuk kepada integriti serta ketakwaan dalam melaksanakan kewajipan (Maryuni, 2022). Penekanan terhadap keseimbangan dua aspek ini dianggap sangat kritikal kerana Ibn Taimiyyah melihat bahawa kelemahan sesebuah negara dan kegagalan fungsi jentera kerajaan selalunya berpunca daripada pelantikan pegawai yang mungkin mempunyai kepakaran tetapi tidak jujur, atau pegawai yang jujur tetapi tidak mempunyai kemampuan kerja yang mencukupi (Nurfazillah, 2024). Oleh itu, keberkesanan sesebuah kepimpinan tidak hanya bergantung kepada struktur formal sistem tersebut, tetapi lebih kepada sejauh mana pemimpin itu mampu menterjemahkan nilai amanah dalam melindungi hak-hak rakyat serta mendaulatkan hukum syariat secara adil tanpa pilih kasih (Saende et al., 2023).

Seterusnya, teori politik Ibn Taimiyyah juga dilihat sangat praktikal dan realistik di mana beliau meletakkan kedudukan negara sebagai sebuah alat atau *wasilah* yang berfungsi untuk

menegakkan syariat serta menjaga kebajikan duniawi rakyat melalui pengurusan yang telus dan bertanggungjawab (Matroni et al., 2022). Hal ini demikian kerana, amanah dan keadilan merupakan dua asas utama dalam menyelenggara sebuah negara. Ayat al-Quran 58-59 surah an-Nisa' dijadikan sandaran untuk menunjukkan bahawa pemegang kuasa seharusnya melantik orang yang berkelayakan tinggi bukan kerana asabiyah (Candra, 2017). Beliau berhujah bahawa matlamat akhir daripada setiap tindakan politik mestilah menjurus kepada pencapaian keadilan sosial dan kemaslahatan masyarakat, dan bukannya sekadar mempertahankan gelaran, status, atau institusi kepimpinan tradisional yang sudah tidak lagi berfungsi dengan efektif (Saende et al., 2023). Secara keseluruhannya, gagasan Ibn Taimiyyah mengenai amanah menawarkan kerangka yang sangat kukuh dan relevan untuk dijadikan rujukan dalam mendepani krisis integriti serta ketidakcekapan dalam tadbir urus moden (Maryuni, 2022). Dengan menjadikan prinsip amanah dan kelayakan sebagai kayu ukur utama dalam setiap pelantikan, sistem pentadbiran negara dapat dibersihkan daripada amalan salah guna kuasa yang merugikan rakyat, sekali gus menyediakan landasan yang kukuh bagi usaha pembaharuan tadbir urus negara agar lebih berintegriti, stabil, dan sejahtera bagi seluruh ummah (Nurfazillah, 2024).

Perbincangan

Struktur tadbir urus yang berasaskan prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* menurut perspektif Ibn Taimiyyah menunjukkan satu kerangka yang progresif dan menyeluruh dalam menguruskan hal ehwal ummah. Prinsip ini tidak hanya terbatas kepada teori politik, malah merupakan panduan praktikal yang menekankan kaitan antara kepimpinan dan keadilan bagi mencapai kemaslahatan rakyat (Suharti 2015). Hal ini menunjukkan persamaan yang ketara dengan model Baitul Hikmah di mana kejayaan sesebuah institusi atau daulah bergantung sepenuhnya kepada tadbir urus yang sistematik dan berpaksikan nilai murni. Dalam konteks pembangunan Malaysia MADANI, prinsip pemilihan pemimpin berdasarkan kecekapan dan amanah yang ditekankan oleh Ibn Taimiyyah adalah selari dengan keadilan dan ihsan yang bertujuan untuk memelihara hak rakyat serta memastikan integriti pemerintahan.

Dalam prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* Ibn Taimiyah, beliau menengahkan konsep masalah sebagai asas kepada pelaksanaan dasar negara yang menjaga kepentingan rakyat dalam aspek ekonomi, sosial dan pentadbiran. Dasar ini dibentuk berlandaskan masalah yang mampu menghapus ketidaksamarataan masyarakat serta mewujudkan keseimbangan sosial dan kepercayaan rakyat terhadap pemerintah. Selain itu, pemikiran Ibn Taimiyah yang menegaskan keadilan turut menjadi syarat dan kerangka dalam tadbir urus negara, terutama dalam konteks Malaysia MADANI. Prinsip ini bukan sahaja digunakan dalam konteks sejarah Islam, namun juga bersesuaian dalam konteks negara moden, termasuk gagasan Malaysia MADANI yang menekankan nilai ihsan, amanah, adab, keadilan dan kesejahteraan masyarakat sebagai asas pembangunan negara. Dengan menggabungkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai ini, dapat dibuktikan bahawa prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* Ibn Taimiyah relevan sebagai kerangka pembaharuan tadbir urus dan kesejahteraan ummah Malaysia MADANI.

Selain itu, aplikasi *al-siyasah al-shar'iyah* dalam masyarakat majmuk di Malaysia menuntut pendekatan yang menyeluruh bagi menjamin kesejahteraan sosial. Prinsip Ibn Taimiyyah juga menitikberatkan keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat bagi mewujudkan keharmonian (Ahmidi et al. 2024). Penggunaan kerangka ini dalam pembentukan dasar keluarga dan komuniti terbukti mampu menjadi perkara penting untuk memelihara kebajikan ummah secara menyeluruh (Ahmad et al. 2022). Ianya selari dengan pendekatan yang digariskan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPK) dalam indeks kesejahteraan keluarga boleh dilihat sebagai aplikasi prinsip ini di Malaysia, di mana setiap

domain memberi fokus kepada kesejahteraan sosial, ekonomi, institusi keluarga, dan nilai moral. Oleh itu, dengan penerapan kepemimpinan berasaskan amanah, keadilan, dan masalah, prinsip Ibn Taimiyyah menyediakan kerangka pembaharuan tadbir urus yang mampu memastikan kesejahteraan sejagat dan pembangunan ummah yang menyeluruh, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Seterusnya, prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* Ibn Taimiyyah yang meletakkan nilai amanah sebagai punca kuasa utama sangat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam usaha melakukan pembaharuan tadbir urus negara yang lebih berintegriti. Tadbir urus berteraskan amanah ini menuntut integrasi antara *al-quwwah* (keupayaan profesional) dan *al-amanah* (integriti) bagi memastikan setiap jawatan awam dipikul sebagai tanggungjawab syarak, bukannya alat untuk kepentingan peribadi atau kronisme. Dalam konteks Malaysia MADANI, pengamalan prinsip *aslah* (melantik individu terbaik) secara telus mampu memperkukuh tonggak keyakinan dan kesejahteraan rakyat menerusi pengurusan sumber negara yang jujur. Dengan menjadikan amanah sebagai teras sistem pentadbiran, negara bukan sahaja dapat membanteras ketirisan dan salah guna kuasa, malah mampu berfungsi sebagai *wasilah* yang efektif untuk menjamin keadilan sosial serta kemaslahatan ummah.

Konsep imamah dan khilafah dalam prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* Ibn Taimiyyah menjelaskan legitimasi pemerintahan bergantung kepada pemimpin itu sendiri dalam menegakkan keadilan, menghindari kezaliman serta memelihara hak rakyat. Dalam kerangka Malaysia MADANI, penekanan terhadap prinsip keadilan dan ihsan digunakan untuk menilai sejauh mana struktur kepemimpinan dan institusi negara dapat memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada rakyat seperti yang digariskan Ibn Taimiyyah. Sehubungan dengan itu, fiqh *al-siyasah* Ibn Taimiyyah menuntut agar sumber kekayaan negara diurus dengan telus dan adil supaya pembangunan ekonomi umat dapat diperkasakan lagi. Selari dengan itu, pelaksanaan Malaysia MADANI memerlukan mekanisme tadbir urus fiskal dan pengurusan sumber awam untuk mengelakkan berlaku penyelewengan. Oleh itu, prinsip Ibn Taimiyyah bukan hanya idea melainkan panduan yang dapat membentuk dasar fiskal dan ekonomi negara secara menyeluruh.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* yang digagaskan oleh Ibn Taimiyyah menyediakan satu kerangka tadbir urus Islam yang bersifat menyeluruh, praktikal dan berorientasikan kesejahteraan ummah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip keadilan, amanah, ihsan dan pemeliharaan masalah yang ditekankan oleh Ibn Taimiyyah mempunyai keserasian yang jelas dengan nilai teras gagasan Malaysia MADANI, khususnya dalam aspek kepemimpinan berintegriti, keadilan sosial dan tanggungjawab pemerintah terhadap kebajikan rakyat. Pemikiran ini menegaskan bahawa keberkesanan tadbir urus tidak hanya bergantung kepada struktur pentadbiran, tetapi juga kepada kualiti moral dan etika kepemimpinan yang memelihara hak serta kepentingan masyarakat secara adil dan seimbang.

Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, penerapan prinsip *al-siyasah al-shar'iyah* berpotensi menjadi asas prinsip bagi pembaharuan tadbir urus yang lebih adil dan menyeluruh, khususnya dalam penggubalan dasar berkaitan kepemimpinan, ekonomi, institusi keluarga dan kesejahteraan sosial. Kerangka ini mampu menyumbang kepada pengukuhan integriti institusi, pemantapan dasar berasaskan masalah serta keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan prinsip Ibn Taimiyyah wajar dijadikan rujukan dalam usaha memperkukuh tadbir urus dan kesejahteraan ummah di Malaysia, sejajar dengan

aspirasi Malaysia MADANI. Sehubungan itu, kajian lanjutan disarankan bagi menilai pelaksanaan sebenar prinsip ini dalam institusi pentadbiran negara serta mengukur keberkesannya berlandaskan kajian.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Dana Luar (Kebangsaan: MASA Policy Development Programme Grant), Institut Islam Hadhari: RH-2025-002, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Intensif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Ahmad, A. N. Z. A., Towpek, H. & Kadir A. R. A. (2022). Syarat pelaksanaan Siasah Syar'iyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*. Kuching, Sarawak, 7-8 September.
- Ahmad, A. N. Z. A., Towpek, H. & Kadir, A. R. A. (2022). Kepentingan Siasah Syar'iyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 5(1), 44-63.
- Ahmidi, A., Alhamdani, A. & Sukti, S. (2024). Konsep negara dan kepemimpinan dalam pemikiran politik Islam Ibnu Taimiyah. *Journal of Social Science Research*, 4(3), 8997-9003.
- Bakour, B. & Abdelaziz, B. (2023). Politics between ethics and objectives: A comparative presentation between Ibn Taimiyyah and al-Shatibi. *Journal of Quran and Sunnah Studies*, 8(1), 146-161.
- Bakry, K., Abbas, A. H. & Hamid, A. N. (2021). Konsep kepimpinan negara Islam (Studi komparasi pemikiran al-Mawardi dan Ibnu Taimiyah). *Nukhbatul 'Ulum: Jurnal Bidang Kajian Islam* 7(1), 1-9.
- Basyit, A. (2019). Pengaruh pemikiran Ibn Taymiyyah di dunia Islam. *Jurnal Pemikiran dan Pencerahan*, 15(2).
- Borham, A. J. (2013). Konsep Siyasah Syar'iyah dan pelaksanaannya dalam konteks Malaysia. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar'iyah dalam konteks masa kini: Isu dan cabaran. Kolej Universiti Islam Melaka, 21 Februari.
- Candra, A. A. (2017). Pemikiran Siyasah Syar'iyah Ibnu Taimiyah. *UIR Law Review*, 1(2), 161-172.
- Ilyas, M. & Rahmah, N. (2025). Konsep kepemimpinan dalam perspektif Siyasah: Urgensi, ketaatan dan kriteria pemimpin. *Equality: Law and Social*, 1(1), 1-11.
- Kholiq A., Musa, S. Z. S. & Haerany, A. (2025). Islamic law and the politics and economics of development according to Ibn Taimiyyah's thought: A study of Fiqh Siyasah and its relevance to state economic empowerment. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*, 15(3), 817-837.
- Maryuni, T. (2022). Pemikiran Ibnu Taimiyyah dalam jabatan publik studi kitab as Siyasah as Syar'iyah. *Jurnal Hukum dan Perundangan*, 1(1), 1-15.
- Matroni, Ikmal, M. & Basri, H. (2022). The concept of country and leadership in Islamic political philosophy of Ibn Taimiyah. *Jurnal Setia Pancasila*, 3(1), 39-46.
- Maulidizen, A. (2019). Economic thought of Ibn Taimiyah and relevance to the world economic and community economic system. *Jurnal Ilmu-ilmu Ushuluddin*, 20(2), 131-146.
- Nurfazillah. (2024). Konsep politik Islam Ibnu Taimiyah: Analisis kritis terhadap pemerintahan Islam. *Jurnal Pemikiran Politik Islam*, 2(2), 197-207.

- Nurhakim, A. (2017). Negara hukum perspektif Ibnu Taimiyyah (w.728H). *Al-Mashlahah Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 4(8), 545-556.
- al-Nsour, O. S. & al-Refaie, J. A. (2023). The political reform in the administrative fields in Ibn Taymiyyah thought. *Journal of Social Science*, 12(4), 65-77.
- Pratama, A. (2025). Konsep pemikiran hukum Islam dalam bidang Siyasah. *Jurnal Penelitian Ilmiah Multidisipliner*, 2(1), 115-129.
- Rahman, N. A. & Hamid, A. F. A. (2024). Examining public administration through the Islamic lens: A glimpse of the Malaysian experience. *Ulumuna*, 28 (1), 281-312.
- Saende, Z. R., Sultan, L. & Asni. (2023). Rekonstruksi literatur sistem dan negara Ibnu Taimiyah. *Istiqra Jurnal Hasil Penelitian*, 11(1), 117-130.
- Suharti, M. H. (2015). Al-Siyasah al-Syar'iyah 'inda Ibn Taimiyah (Politik Islam Ibnu Taimiyah). *al-Ittihad Jurnal Pemikiran dan Hukum Islam*, 2(2), 24-43.
- Syaikhon, M. (2015). Pemikiran hukum Islam Ibnu Taimiyyah. *Jurnal Pengembangan Pemikiran dan Kebudayaan*, 7(2), 331-348.
- Zaman, Q. (2019). Pemikiran politik Ibnu Taimiyah. *Jurnal Politik Islam*, 2(2), 111-129.